SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

---

50 PASUKAN TERBAIK BAKAL BERENTAP DALAM JUNIOR INNOVATHON MUSIM KEDUA 2026: KATEGORI MBPK TURUT DIPERKENALKAN

KUALA LUMPUR, 4 September 2026 – Persaingan **Junior Innovathon Musim Kedua 2026** semakin hampir apabila 50 pasukan terbaik dari seluruh negara telah dipilih untuk merebut gelaran juara dalam program yang mengetengahkan kreativiti, inovasi serta bakat generasi muda dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Pemilihan 50 pasukan terbaik itu dibuat selepas proses penjurian oleh 15 orang juri berkelayakan, susulan penerimaan sebanyak **2,092 penyertaan** sepanjang tempoh pendaftaran dari **14 Jun hingga 10 Ogos 2026.**

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,875 pasukan layak ke peringkat saringan, merangkumi 1,270 penyertaan sekolah menengah dan 605 penyertaan sekolah rendah, selain 75 penyertaan daripada kategori Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) yang mewakili pelbagai jenis sekolah di seluruh negara.

Dengan jumlah penyertaan yang memberangsangkan serta pengenalan kategori Murid Bekeperluan Pendidikan Khas (MBPK) buat pertama kali, Junior Innovathon Musim Kedua 2026 dijangka tampil lebih inklusif, kompetitif dan sarat dengan idea-idea segar daripada generasi muda Malaysia.

25 pasukan sekolah menengah dan 25 pasukan sekolah rendah akan berentap menerusi lima episod pertandingan bagi merebut tempat ke kemuncak Junior Innovathon.

Bagi kategori sekolah menengah, Johor merekodkan jumlah penyertaan tertinggi dengan 179 penyertaan, manakala Selangor mendahului kategori sekolah rendah dengan 110 penyertaan.

Ruj : RTM(BPA)/SM/JLD.1 ([illegible])
4 September 2026

SIARAN SEGERA

Bermula 20 September, Kemuncak 1 November 2026

Junior Innovathon Musim Kedua 2026 akan mula bersiaran pada **20 September 2026,** sebelum kemuncak pemilihan juara berlangsung pada **1 November 2026.**

Sementara itu, Majlis Peluncuran Junior Innovathon Musim Kedua 2026 berlangsung hari ini dan disiarkan secara langsung menerusi program Selamat Pagi Malaysia (SPM).

Lebih istimewa, musim kedua kali ini memperkenalkan kategori MBPK, sekali gus memberikan peluang kepada murid berkeperluan pendidikan khas untuk turut mengetengahkan idea, kreativiti dan inovasi mereka di pentas Junior Innovathon.

Alif Satar Kembali Mengemudi Junior Innovathon

Penyanyi dan pelakon, Alif Satar, sekali lagi diberi kepercayaan untuk mengemudi Junior Innovathon Musim Kedua 2026 sepanjang enam episod.

Program ini bakal bersiaran **setiap Ahad, pukul 9.00 hingga 10.30 malam** menerusi **TV1** dan **RTMKlik,** yang bukan sahaja menampilkan persaingan sengit setiap pasukan malahan mengetengahkan idea dan penyelesaian kreatif hasil cetusan generasi muda.

Setiap pasukan yang dinobatkan sebagai **juara bagi kategori** masing-masing bakal menerima hadiah **wang tunai sebanyak RM40,000.**

Membudayakan STEM, Mencungkil Bakat Muda

Junior Innovathon merupakan inisiatif Kementerian Ekonomi dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Program ini menjadi platform untuk membudayakan STEM dalam kalangan murid sekolah, di samping mencungkil bakat, kreativiti, daya cipta dan kebolehan mereka dalam menghasilkan penyelesaian inovatif terhadap pelbagai cabaran.

Dikeluarkan oleh:
Bahagian Perhubungan Awam
Jabatan Penyiaran Malaysia

Ruj : RTM(BPA)/SM/JLD.1 (53)
4 September 2026